

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**  
**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
(TASEK GELUGOR)**

**TARIKH : 7 MAC 2017 (Selasa)**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah jumlah pengendali TASKA haram yang telah dikesan serta diambil tindakan yang tidak mengikut syarat dan ketetapan Kementerian dan sejauh manakah tindakan telah diambil terhadap pengendali TASKA yang mendera kanak-kanak di bawah jagaan mereka.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius kewujudan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) haram di seluruh negara. TASKA haram ini merujuk kepada TASKA yang menjalankan operasi tanpa berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sepertimana peruntukan Seksyen 4 Akta TASKA 1984 [Akta 308] yang menerangkan seperti berikut:

*“Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, tiap-tiap taman asuhan kanak-kanak hendaklah didaftarkan di bawah Akta ini”.*

Kewujudan TASKA haram yang wujud sebagai cendawan tumbuh selepas hujan adalah disebabkan daripada permintaan tinggi daripada ibu bapa yang bekerja yang memerlukan perkhidmatan asuhan untuk anak-anak mereka.

Sehingga Disember 2016, sejumlah **849** TASKA haram telah dikesan oleh pihak JKM. Daripada jumlah tersebut sebanyak **33** buah TASKA haram telah dikenakan tindakan penguatkuasaan sepanjang tahun 2016. Tindakan yang diambil ialah **9** buah TASKA telah dikenakan tindakan lak, **14** kompaun dan **10** TASKA didakwa.

Kementerian juga mengambil tindakan tegas ke atas TASKA yang terlibat dengan kes penderaan ke atas kanak-kanak. Antara tindakan yang diambil ke atas pengusaha ialah dengan mengenakan tindakan penguatkuasaan seperti dakwa di mahkamah, lak dan dikenakan kompaun. Di samping itu, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) akan mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan jenayah mengikut Seksyen 31, Akta Kanak-Kanak 2001.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK  
GELUGOR]**

**SOALAN : 7**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah butiran piagam pelanggan atau KPI yang perlu ditepati KTMB supaya dapat ditingkatkan lagi jumlah perjalanan harian perkhidmatan komuter arah utara dan arah selatan memandangkan permintaan terhadap perkhidmatan ini semakin meningkat.

## **JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

Berhubung peningkatan jumlah perjalanan harian perkhidmatan komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), ianya bergantung kepada bilangan jumlah set tren komuter yang boleh beroperasi bagi sesuatu sektor tersebut.

Bagi tahun 2017, jumlah Perkhidmatan Komuter untuk sektor Selatan (Seremban – Tampin) adalah sebanyak 87 perkhidmatan sehari dan Utara (Padang Rengas – Bukit Mertajam dan Butterworth – Padang Besar) adalah sebanyak 48 perkhidmatan sehari. Jumlah perkhidmatan semasa ini adalah yang maksimum berdasarkan kepada jumlah set tren elektrik sedia ada dan KPI yang diluluskan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.).